

Lelaki mencuri barang dari farmasi dipenjara sebulan

SIBU: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara sebulan oleh Mahkamah Majistret Sibu, semalam kerana mencuri pelbagai produk penjagaan diri dari sebuah farmasi di Jalan Central, baru-baru ini.

Tertuduh, Goh Yii Liong, 54, diperintah oleh Majistret Romario Jono untuk mulai menjalani hukuman penjara itu berkuat kuasa daripada tarikh sabit kesalahan.

Goh terdahulu didakwa mencuri tiga botol sabun tangan Antabax, tujuh botol Eye Glo Eyemo, satu botol mandian badan Dove, lima kotak ubat sapu Mopiko, dua unit cermin mata Victoria

dan tujuh botol gel mandian Palmolive yang kesemuanya bernilai RM152.25.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah farmasi di Jalan Central pada 1 September 2026, antara jam 9.14 malam hingga 9.20 malam, satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 380 Kanun Keseksan yang mana jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak melebihi 10 tahun dan juga denda.

Berdasarkan fakta kes, pengadu yang juga pembantu farmasi telah membuat laporan polis pada 4 September 2026, menyatakannya beberapa barang telah

hilang dari farmasi di Jalan Central pada 1 September 2026, kira-kira jam 9.15 malam.

Semakan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) kemudian mendapati seorang lelaki iaitu tertuduh telah masuk ke dalam premis dan mengambil beberapa barang tanpa membuat sebarang pembayaran.

Sehubungan itu, tertuduh telah ditahan bagi membantu siasatan kes terbabit.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohd Syazani Iz-zaddin Abdul Muadzam, sementara tertuduh tidak diwakili peguam.